

**AMALAN PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM
PENGAJARAN: TINJAUAN TEORI
AL-GHAZALI**

Ainul Widad Muhd Fauzi, Asmawati Suhid & Fathiyyah Mohd
Fakhruddin

ABSTRAK

Akhhlak adalah asas penting dalam Islam dan menjadi salah satu tunjang utama dalam pembinaan sahsiah diri manusia. Dalam perkembangan pendidikan abad ke 21, masalah keruntuhan akhlak semakin serius terutamanya dalam kalangan murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Oleh itu, guru Pendidikan Islam sebagai medium penting untuk membina sahsiah diri murid perlu memahami dan menguasai pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi memastikan nilai akhlak diterap dengan berkesan. Ini selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk melahirkan murid yang mempunyai pegangan agama kukuh serta penghayatan akhlak yang mendalam. Penulisan kertas konsep ini tertumpu kepada perbincangan beberapa kaedah penerapan nilai akhlak yang boleh dipraktikkan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah menurut pandangan Al-Ghazali. Antara kaedah penerapan nilai akhlak yang diusulkan Al-Ghazali ialah melalui teladan, pembiasaan, nasihat, ganjaran dan hukuman.

Kata kunci: *penerapan nilai akhlak, Pengajaran, Guru Pendidikan Islam, Al-Ghazali*

**THE PRACTICE OF EMBEDDING MORAL VALUES
(AKHLAK) TEACHING OF ISLAMIC EDUCATION
TEACHERS: A STUDY OF AL-GHAZALI'S THEORY**

ABSTRACT

Moral value (Akhhlak) is an essential foundation in Islam, also as one of the main pillars in developing of human personality. In heading towards the 21st century education, the problem of moral collapse seems to increase tremendously especially among primary and secondary school students. Therefore, Islamic Education teachers who are acted as important mediator to mould student's personaliy should understand and master various methods of teaching and learning to

2 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

appropriately ensure that moral values are effectively instill into students. This is comparable the objective of the Malaysia Education Blueprint 2013-2025 which is to produce students with strong religious beliefs and internalizing moral value (akhlak) profoundly. The writing of this concept paper focuses on the discussion of several methods according to Al-Ghazali's view on the application of moral values that could be practiced by the Islamic Education teachers in their teaching in primary schools. Among the methods of applying the moral values proposed by Al-Ghazali are; through examples, habituation, advices, rewards and punishments.

Keywords: *Embedding of moral value, teaching and learning, Al-Ghazali*

PENDAHULUAN

Aspek akhlak adalah antara aspek yang ditekankan dalam Pendidikan Islam selain daripada aspek akidah, ibadah dan Al-Quran. Ini bertepatan dengan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri iaitu untuk membentuk individu yang boleh berfungsi sebagai khalifah yang dapat memikul tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh Allah S.W.T (Haron Din & Sobri Salomon, 1988; Ahmad Mohd Salleh, 2008). Oleh itu, dalam konteks pendidikan di sekolah, guru sebagai pelaksana kurikulum berperanan sebagai pembentuk peribadi murid agar berakhlak dan beretika, berketrampilan serta berkeperibadian yang unggul.

Proses pembentukan akhlak murid pada hari ini dan masa hadapan menjadi tanggungjawab yang berat bagi para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam. Hal ini kerana masyarakat hari ini menaruh harapan yang tinggi kepada para guru untuk mendidik dan mengembangkan seluruh potensi diri anak-anak mereka di sekolah sama ada potensi psikomotor, kognitif dan afektif malah guru juga bertanggungjawab dalam merealisasikan kehendak Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul, 2010). Penghayatan nilai murni akan menentukan jenis manusia yang diingini (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Ini menunjukkan guru mempunyai pengaruh yang penting untuk membentuk murid khususnya dalam membentuk keimanan, ilmu, ibadah dan penghayatan akhlak (Fathiyah Fakhruddin, 2010).

3 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

Definisi Dan Konsep Akhlak

Perkataan akhlak daripada segi etimologi berasal daripada bahasa Arab, iaitu jamak kepada perkataan *al-khuluq* atau *al-khulq* yang membawa maksud tabiat semula jadi, budi pekerti, tingkah laku, perangai, adat, susila, kebiasaan, maruah ataupun gaya hidup individu atau kumpulan individu (al-Ghazali, 1988; Mustafa, 1996; Mohd Nasir, 2010). Akhlak daripada segi istilah pula ialah keadaan jiwa atau sifat jiwa yang meresap ke dalam diri seseorang. Jika perbuatan yang dilakukan seseorang itu mulia dan terpuji menurut syarak, maka itulah yang dinamakan sebagai akhlak yang baik. Namun jika sebaliknya, dinamakan sebagai akhlak yang buruk dan keji (Jalaluddin & Ab Halim, 2010; Abdul Hafiz, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar, 2012).

Definisi akhlak menurut tokoh moralis Islam, Ibnu Miskawayh (1961) merujuk kepada suatu keadaan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa berfikir atau merancang terlebih dahulu. Keadaan jiwa tersebut terbahagi kepada dua, iaitu yang pertama keadaan jiwa yang bersifat semulajadi yang asalnya dari tabiat diri seseorang seperti malu, marah, takut dan sebagainya. Keadaan jiwa yang kedua pula adalah situasi kejawaan yang diperolehi daripada kebiasaan dan disiplin diri (Mohd Nasir, 2010; Ahmad Mohd Salleh, 2002). Pandangan Miskawayh ini turut disokong oleh sarjana Islam yang tersohor, Al-Ghazali (1988) yang merumuskan akhlak sebagai *ethics of the soul* iaitu sifat yang melekat dan tertanam dalam jiwa seseorang yang menimbulkan perbuatan-perbuatan yang mudah tanpa memerlukan pemikiran ataupun pertimbangan. Ia merupakan suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan perlakuan atau perilaku yang baik atau buruk tanpa perlu berfikir terlebih dahulu (Mohd Sulaiman, 1992; Zakaria Stapa, 2001; Mohd Nasir, 2010). Oleh itu, akhlak yang dimaksudkan oleh Al-Ghazali (1988) tidak berbentuk pengetahuan mahupun kebolehan seseorang dalam melakukan sesuatu perbuatan, namun akhlak itu sesuatu yang lahir daripada jiwa secara semulajadi yang mewujudkan tingkah laku seseorang.

Selain itu, Al-Ghazali (1991) turut menghuraikan secara lanjut berkenaan dengan akhlak yang terdiri daripada dua perkataan yang berhubung secara langsung iaitu *al-khalqu* (kejadian) dan *al-khuluqu* (akhlak atau tingkah laku). *Al-khalqu* merujuk kepada kejadian yang memberi gambaran zahir diri manusia manakala *al-khuluqu* merujuk kepada gambaran batin. Kedua-dua perkataan ini memberi gambaran

4 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

jelas akan kejadian manusia itu sendiri yang terdiri daripada dua unsur iaitu unsur jasad yang dapat dilihat dengan mata kasar manakala unsur roh atau *nafs* hanya dapat dirasai melalui mata hati (Zakaria Stapa, 2001).

Huraian yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa, akhlak adalah keadaan diri yang secara semulajadi akan melahirkan tingkah laku secara langsung tanpa memerlukan sebarang pemikiran mahupun penelitian. Perasaan semulajadi yang diciptakan oleh Allah dalam roh setiap manusia mengandungi unsur baik (takwa) dan unsur buruk (fasiq). Oleh itu, kecenderungan dalam memilih antara dua unsur itu terpulang kepada seseorang untuk memilihnya (Syahrul Faizaz, 2003). Perbuatan baik atau buruk merujuk kepada dimensi rohaniah dalam diri seseorang yang mendesak untuk melakukannya. Rohana Tan dan Norhasni (2014) berpendapat akhlak merupakan bahagian dalaman (kejiwaan) seseorang manakala perbuatan pula adalah bahagian luaran. Penerapan akhlak yang baik akan menimbulkan perbuatan yang baik sekaligus akan menjadikan seseorang itu anggota masyarakat yang baik dan dipandang mulia.

Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Pembinaan akhlak menjadi satu keutamaan dan matlamat yang penting dalam pendidikan di Malaysia.

Penerapan akhlak mulia dalam diri seseorang mampu menguatkan dan mempertingkatkan rohani dan jiwanya (Zaharah Hussin, 2008). Hal ini pernah ditegaskan oleh Asmawati Suhid (2006) bahawa pendidikan itu sendiri tidak boleh dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak dan moral. Penerapan nilai akhlak bermula dari pendidikan awal persekolahan kanak-kanak akan membantu melahirkan murid yang mempunyai budi pekerti yang baik dan mulia malah membangunkan insan yang bakal menerajui masyarakat dan negara mengikut acuan dan nilai yang baik agar tidak berlaku kepincangan dalam kehidupan. Didikan perangai yang baik perlu dipupuk sejak usia kanak-kanak lagi agar mereka dapat mengenal yang benar dan yang salah (Asmawati Suhid, 2007).

Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2002) menjelaskan bahawa, penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sikap yang baik tentang nilai adalah diperlukan dalam membentuk akhlak, etika dan nilai murni yang baik. Ini ditegaskan lagi oleh Asmawati Suhid, Fathiyah

5 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

Fakhruddin & Lukman (2012), iaitu dengan adanya pengetahuan dan nilai agama, ia mampu memanusiakan murid dan menghidupkan nilai yang disanjung dan terpuji. Oleh yang demikian, kurikulum Pendidikan Islam yang terancang dan tersusun adalah antara persiapan yang perlu diutamakan khususnya berkaitan dengan nilai akhlak.

Dalam konteks pendidikan rendah negara, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dilaksanakan bermula pada tahun 1982 dan penambahbaikan dilakukan terhadap kurikulum berkenaan pada tahun 1993 lalu dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Kemudiannya KBSR digantikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Kedua-dua kurikulum berkenaan ternyata mengutamakan aspek rohani dan akhlak dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh dan lebih jelas. Pendidikan Islam dalam KBSR mempunyai empat bidang utama iaitu Asuhan Tilawah al-Quran, Asas Ulum Syariah, Asas Akhlak Islamiah dan Jawi. Asuhan Tilawah Al-Quran menekankan aspek mengenal, menyebut, membaca, menghafaz, memahami dan menghayati pengajaran bagi surah tertentu. Asas Ulum Syariah pula mengandungi tiga aspek iaitu Akidah, Ibadah dan Sirah Nabawiyyah. Seterusnya, aspek Akidah bertujuan menanam keimanan yang kukuh dan berpegang teguh pada akidah Islam. Ibadah pula memberi tumpuan kepada aspek amali secara berterusan manakala Sirah Nabawiyyah menekankan kepada contoh teladan serta iktibar yang dapat diambil untuk diamalkan. Asas Akhlak Islamiah memberi penekanan kepada pembentukan peribadi murid ke arah tingkah laku yang baik sebagai hamba Allah yang menghayati nilai akhlak yang mulia. Bidang jawi pula memberi penekanan dalam kemahiran mengenal huruf, membaca dan menulis (Mohd Yusuf, 2004).

Komponen Asas Akhlak Islamiah yang terkandung dalam Pendidikan Islam KBSR mengandungi lima kategori iaitu adab di dalam kehidupan harian, adab terhadap ibubapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu dan adab dengan al-Quran (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR, 2002). Melihat dari sudut struktur bidang akhlak itu, pembentukan kandungannya adalah berteraskan kepada empat aspek hubungan meliputi hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan individu lain, hubungan dengan alam sekitar dan negara serta Rasul dan Penciptanya. Sehubungan itu, bidang adab dan akhlak Islamiah menjadi antara komponen penting

6 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

dalam mencapai objektif yang ketujuh dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR iaitu untuk menghasilkan murid yang beragama Islam yang mengamalkan adab dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR, 2002).

Selanjutnya, dalam kurikulum Pendidikan Islam KSSR, terdapat tujuh komponen iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Sirah, Adab dan Jawi yang dilaksanakan secara modular mengikut keperluan murid (KSSR, 2015). Modul adab menjadi satu komponen utama dalam mencapai objektif yang kesembilan dalam Dokumen Standard Pendidikan Islam KSSR untuk melahirkan murid yang mengamalkan adab yang baik dan menghayati nilai akhlak dalam kehidupan mereka (KSSR, 2011). Setiap modul adab dan akhlak adalah berbeza mengikut tahap kesesuaian dan kefahaman murid Tahun 1 sehingga Tahun 6. Penekanan kepada penerapan nilai akhlak dalam Pendidikan Islam sangat jelas. Hal ini dijelaskan dalam pernyataan matlamat Pendidikan Islam untuk menghasilkan insan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah seterusnya menjadi khalifah Allah yang bertaqwa di dunia dan akhirat serta secara tidak langsung menyumbang kepada ketamadunan bangsa dan negara (KSSR, 2011). Ini menunjukkan bahawa Pendidikan Islam menjadi asas dalam membangunkan modal insan yang terbaik dan yang mempunyai minda kelas pertama (Mohamad Maliki, Maimun, Mustafa Kamal, Zahiah Haris & Sarimah, 2010).

Berdasarkan huraihan di atas, jelas menunjukkan bahawa nilai akhlak dalam Pendidikan Islam sekolah rendah baik dalam KBSR dan KSSR, diberi penekanan yang khusus. Ini bermaksud keseluruhan bidang dan modul yang terkandung dalam KBSR dan KSSR mendokong matlamat dan objektif Pendidikan Islam untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi Muslim yang beriman, berilmu, beramal soleh dan berperibadi mulia.

Kaedah Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran

Dalam menghasilkan pendidikan akhlak yang berkesan dan efektif, perlulah mengambil kira pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang betul untuk disampaikan kepada murid (Hasan Langgulung (1991). Menyentuh hal yang berkaitan dengan kaedah pengajaran, Al-

Ghazali telah mengemukakan empat kaedah dalam mendidik akhlak kanak-kanak antaranya teladan, pembiasaan, nasihat, ganjaran dan hukuman.

Kaedah teladan

Antara pendekatan yang boleh dilaksanakan adalah melalui kaedah teladan. Al-Ghazali (1988) menekankan kaedah teladan untuk menerapkan nilai akhlak pada diri kanak-kanak. Teladan merujuk kepada contoh ikutan yang baik yang boleh diikuti. Dalam Al-Quran, Allah telah memerintahkan umatnya agar menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan dan teladan. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لَمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
خَرَوْدَكَرَاللَّهُ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada peribadi Rasulullah itu suri tauladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan hari akhir dan dia banyak dzikrullah.”

Dalam konteks kajian ini, guru memainkan peranan utama dengan memberikan contoh yang boleh berlaku secara langsung atau tidak langsung melalui tingkah laku, sifat, dan percakapan yang baik. agar berupaya membina dan membentuk akhlak murid. Menurut Al-Ghazali (1988), proses pendidikan dua hala memerlukan hubungan yang erat antara guru dan murid. Sebagai guru Pendidikan Islam, keperibadian yang unggul menjadi aspek utama dalam proses pengajaran selaras dengan Falsafah Pendidikan Guru. Guru perlulah sentiasa menunjukkan peribadi serta sahsiah yang baik agar boleh diteladani oleh murid (Samsu Hazlam, 2010; Habibah Ramlie, 2017). Penampilan diri guru termasuklah cara berpakaian, cara berjalan dan sebagainya menjadi perhatian murid di dalam kelas khususnya. Ini kerana murid mudah meniru apa yang mereka nampak di depan mata lebih-lebih lagi murid sekolah rendah yang hendak mengenal erti kehidupan. Tambahan lagi, guru merupakan insan yang paling dekat dengan murid selain kedua ibu bapa di rumah.

Oleh itu, penerapan nilai akhlak melalui teladan yang baik yang ditunjukkan oleh guru mampu mewujudkan budaya yang sihat untuk

menggalakkan akhlak yang baik dan melahirkan modal insan yang cemerlang dari aspek akademik dan sahsiah diri.

Kaedah pembiasaan

Selain daripada teladan, pembiasaan adalah salah satu kaedah yang dikemukakan oleh Al-Ghazali (1988) untuk diaplikasikan oleh guru dalam menerapkan nilai akhlak. Pada peringkat pendidikan murid sekolah rendah, kaedah pembiasaan merupakan pendekatan yang paling sesuai untuk menerapkan nilai akhlak dalam diri kanak-kanak (Nurhaniza, 2016). Justeru itu, akan dapat memberi kesempatan kepada guru untuk membiasakan murid dengan mengamalkan ibadah mahupun nilai-nilai akhlak dalam kehidupan harian mereka.

Al-Ghazali (1988) menegaskan bahawa pengalaman yang diperolehi kanak-kanak melalui teknik pembiasaan secara berterusan, mampu memberikan kesan yang jelas dan mendalam untuk membentuk peribadi atau akhlak yang mulia. Apabila kanak-kanak sudah dapat membiasakan diri dengan sesuatu nilai akhlak yang terpuji, maka pembinaan sahsiah diri yang kukuh akan dapat direalisasikan serta akhlak terpuji tersebut mampu menjadi benteng dalam diri mereka daripada melakukan perkara yang buruk dan dicela. Justeru itu, guru perlulah memberi perhatian yang menyeluruh dalam membiasakan nilai akhlak yang terpuji dalam kehidupan serta jiwa kanak-kanak agar tidak terpesong dari syiar Islam. Sebagai contoh, guru menerapkan pembiasaan akhlak kepada murid dengan bacaan doa sebelum belajar, mengucap dua kalimah syahadah dan solat lima waktu sehari.

Nurhaniza (2016) mendapati pembiasaan adalah suatu teknik pembentukan sikap dan perilaku mutlak dan bersifat automatik melalui proses pembelajaran yang berulang-ulang. Melalui kaedah pembiasaan, kanak-kanak lebih mudah dibentuk apabila sesuatu perkara itu dilakukan secara secara berulang kali berdasarkan rutin harian mereka. Oleh yang demikian, pembiasaan untuk melakukan ibadah perlu dimulakan dari awal persekolahan lagi. Walaupun ia memerlukan masa yang panjang untuk murid serasi dan selesa melakukannya, namun lama-kelamaan dengan sendirinya akan menjadikan kanak-kanak itu terbiasa melaksanakannya tanpa disuruh mahupun dipaksa walaupun pada permulaannya agak sukar dilaksanakan (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Oleh yang demikian, hasil dari nilai-nilai yang tertanam dalam diri mereka sejak

9 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

kecil akhirnya akan diaplikasikan dalam kehidupannya apabila menginjak dewasa. Dalam surah An-Nur ayat 58 menjelaskan tentang pembiasaan untuk meminta izin yang harus diterapkan terhadap murid.

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِيَسْتَأْذِنُكُمُ الَّذِينَ مَلَكْتُمْ
أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَاتٍ
مِّنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِّنْ
الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثَ عَوْرَاتٍ
لَكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ
طَوَافُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ
اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ}

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki, dan orang-orang yang belum balig di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) yaitu: sebelum sembahyang subuh, ketika kamu menanggalkan pakaian (luar)mu di tengah hari dan sesudah sembahyang Isya'. (Itulah) tiga aurat bagi kamu. Tidak ada dosa atasmu dan tidak (pula) atas mereka selain dari (tiga waktu) itu. Mereka melayani kamu, sebahagian kamu (ada keperluan) kepada sebahagian (yang lain). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat bagi kamu. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

Kaedah nasihat

Kaedah seterusnya yang diutarakan oleh Al-Ghazali (1988) adalah nasihat. Kaedah nasihat adalah satu pendekatan yang sering digunakan dalam proses mendidik dan mendekatkan diri ke arah kebaikan. Ini adalah kerana nasihat yang berkesan mampu membentuk keimanan, akhlak jiwa dan sosial masyarakat. Secara fitrahnya, manusia memerlukan nasihat dalam menjalani kehidupan yang sempurna. Seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang menyebut agama adalah nasihat.

10 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

{ وَذَكِيرٌ فِي الْذِكْرِي تَنْفُعُ الْمُؤْمِنِينَ }

“Dan tetaplah memberi peringatan, karena sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman” (Adz-Dzariyaat [51]: 55).

Penyampaian nasihat dapat membentuk keimanan serta keperibadian yang mulia, dan mampu menjelaskan segala hakikat dengan mengajari prinsip-prinsip Islam (Menurut Nur Mashitah, Mohd Isa & Mohd Aderi (2016), nasihat mempunyai tiga unsur penting yang mampu mempengaruhi seseorang iaitu fizikal adalah kerangka yang membentuk diri, hati adalah pusat emosi dan akal sebagai penentu kepada penilaian. Melalui kaedah nasihat dapat membuka minda murid terhadap sesuatu perkara sama ada baik atau buruk, seterusnya dapat membentuk keimanan dan akhlak yang mulia (Nur Mashitah, Mohd Isa & Mohd Aderi (2016).

Guru hendaklah bijak dalam memberikan nasihat dengan menggunakan bahasa yang lemah lembut dan berhemah agar dapat meresap dalam jiwa murid-murid. Contohnya, guru mengingatkan pada murid yang berumur tujuh tahun agar melaksanakan solat supaya dapat mendidik mereka tentang pentingnya hukum solat dalam Islam. Nasihat yang berulang kali dapat mendorong murid untuk membudayakan segala ilmu dan amalan yang telah dipelajari (Samsu Hazlam, 2010). Tanpa pendekatan nasihat sebagai peringatan kepada murid akan menyebabkan murid leka dan tidak melaksanakan amalan-amalan yang sepatutnya.

Kaedah ganjaran

Seterusnya, Al-Ghazali (1988) mengemukakan kaedah ganjaran dalam proses menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran dan pembelajaran. Ganjaran atau *targhib* merupakan suatu alat pendidikan yang diberikan sebagai imbuhan terhadap sesuatu perkara khususnya dalam aspek pencapaian murid-murid. Al-Ghazali (1988) berpendapat bahawa setiap kali anak-anak melakukan kebaikan, hendaklah mereka diberikan penghargaan sama ada berbentuk *hissi* atau *ma’awi*. Dalam ayat Al-Quran Surah An-Nur ayat 38 ada menyatakan bahawa ganjaran yang baik layak diberikan kepada mereka yang melakukan sesuatu kebaikan.

11 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

لِيَحْرِزُوهُمُ اللَّهُ أَحْسَنُ مَا عَمِلُوا وَيُزِيدُهُمْ مِنْ فَضْلِهِ[ۖ] وَاللَّهُ يَرْزُقُ
مِنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya: (*Mereka mengerjakan yang demikian itu supaya Allah memberikan balasan kepada mereka (dengan balasan) yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan, dan supaya Allah menambah karunia-Nya kepada mereka. Dan Allah memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya tanpa batas* (An-Nur ayat: 38).

Pemberian ganjaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu bentuk pengukuhan positif yang mampu menaikkan semangat dan menjadi faktor pendorong kepada murid untuk mengelakkan sesuatu pencapaian. Dalam erti kata lain, murid yang menunjukkan tingkah laku yang baik, harus mendapat ganjaran dan pujian sebagai hadiah dan sokongan agar murid sentiasa menjaga kelakuan mereka. Menurut Noor Najihan Jaafar (2008), *targhib* berbentuk *non material* seperti pemberian kasih sayang dan kata-kata semangat dari guru dilihat dapat merangsang murid untuk sentiasa melakukan kebaikan dan mendidik untuk berjaya manakala *targhib* berbentuk *material* seperti pemberian ganjaran hadiah boleh diberikan namun tidaklah kerap, ditakuti murid akan melakukan sesuatu itu bukan kerana Allah tetapi terdorong untuk mendapatkan hadiah sahaja.

Kaedah hukuman

Hukuman pula merupakan kaedah pendidikan yang terakhir selepas diberikan nasihat, bimbingan serta teguran. Walaupun hukuman dibenarkan dalam Islam namun haruslah berperingkat-peringkat iaitu daripada hukuman yang ringan beransur-ansur kepada hukuman yang berat. Contohnya, jika hukuman ringan itu tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada murid, barulah hukuman berat boleh dikenakan sebagai peringatan kepada murid. Guru seharusnya bertanggungjawab untuk menyelidiki latar belakang murid yang bermasalah dan cuba menyelesaikan masalah dengan merapati mereka.

Menurut Al-Ghazali (1988), hukuman yang diberikan haruslah melalui beberapa tahap. Pada tahap pertama, guru hendaklah memberikan kesempatan kepada murid untuk memperbaiki sendiri kesalahannya

12 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

setelah diberi teguran dan meminta murid berjanji tidak akan mengulanginya lagi. Kemudian, apabila tahap pertama tidak berhasil, tahap kedua pula dilaksanakan dengan memberikan nasihat dan peringatan ringkas terhadap murid secara tersembunyi yakni bukan di khalayak ramai. Ini mengelakkan daripada timbulnya perasaan malu dalam diri murid untuk berubah.

Jika tahap kedua tidak berhasil, Al-Ghazali (1988) berpendapat bahawa guru dibenarkan untuk memberikan hukuman fizikal yang ringan dan tidak menimbulkan kecederaan kepada murid. Contohnya, seperti yang disarankan oleh Nabi Muhammad SAW kepada ibubapa dan guru agar menyuruh kanak-kanak untuk mengerjakan ibadah solat supaya dapat membentuk jiwa daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan jika mereka tidak melakukannya, maka ibubapa dan guru dibenarkan untuk menghukum.

عَنْ عُمَرَ بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ حَدْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مُرُوا أَوْلَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ
وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ، وَقُرْقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ .

Daripada ‘Amru bin Syu‘aib, daripada bapanya, daripada datuknya berkata, sabda Rasulullah saw:
“Perintahkan anak-anakmu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika meninggalkannya ketika berumur sepuluh tahun serta pisahkan tempat tidur mereka.

Guru dibenarkan untuk melaksanakan hukuman kepada murid sekiranya mereka tidak mengikut arahan guru untuk melakukan ibadah atau sesuatu tingkah laku yang diharapkan oleh guru. Namun hukuman yang dikenakan terhadap murid haruslah berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan agar dapat mengelakkan murid berasa terpaksa dan takut untuk melakukan sesuatu ibadah dengan ikhlas.

Rumusan daripada perbincangan di atas, terdapat beberapa kaedah penerapan nilai akhlak yang dikemukakan oleh Al-Ghazali (1988) yang boleh aplikasikan oleh guru Pendidikan Islam dalam menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru mestilah bijak memilih kaedah yang sesuai dan menguasai kaedah tersebut agar dapat

13 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

melahirkan murid yang berakh�ak mulia dan terpuji. Penggunaan pelbagai kaedah dalam menerapkan nilai akhlak juga antara strategi bagi memastikan keberkesanan proses penerapan akhlak tersebut.

Peranan Guru Pendidikan Islam

Tugas dan peranan guru Pendidikan Islam sememangnya tugas yang sangat berat dan besar untuk membawa murid kepangkuan agama yang sebenar. Guru Pendidikan Islam merupakan agen terpenting dalam menjadi pelaksana kepada segala aspek perancangan yang digubal oleh penggubal kurikulum pendidikan. Sehubungan itu, guru Pendidikan Islam dikenali sebagai mursyid, murabbi, mu'addib, mu'allim dan mudarris (Habibah Ramlie, 2017). Oleh itu, menjadi keutamaan bagi guru Pendidikan Islam untuk mencapai standard guru yang unggul bertepatan dengan ciri seorang Muslim yang baik dalam memikul tanggungjawab yang berat untuk menyampaikan ilmu kepada murid dan masyarakat. Terdapat beberapa aspek yang diutamakan sebagai guru Pendidikan Islam yang bertanggungjawab dalam mendidik dan membentuk peribadi murid. Seorang guru Pendidikan Islam hendaklah berakh�ak dengan segala kelakuan baik yang ditetapkan oleh syarak, peribadi yang terpuji dan tabiat yang direndai oleh Allah.

Seterusnya yang kedua, guru Pendidikan Islam berperanan menyampaikan dan memberikan ilmu pengetahuan yang cukup serta latihan kerohanian yang mantap secara langsung maupun tidak langsung. Abdul Halim El-Muhammady (1993) berpendapat bahawa guru perlu membuat persediaan asas dalam memantapkan kerohanian dan kejiwan murid melalui latihan yang seimbang di antara akal, rohani, emosi dan fizikalnya untuk meningkatkan kualiti peribadi dan akhlak murid dengan lebih baik. Tugas utama guru dalam pengajaran adalah membimbing murid untuk menguasai isi pelajaran sehingga dapat mencapai objektif yang telah ditentukan. Tanggungjawab guru bukan sekadar mengajar dan memberikan ilmu pengetahuan, malah mendidik dalam membentuk sikap, nilai dan akhlak manusia, memberikan contoh yang boleh menjadi ikutan segala lapisan masyarakat serta menjadi agen pembaharuan (Atan Long, 1993).

Yang ketiga, dalam melaksanakan sesuatu pengajaran, guru perlu mengambil kira tahap kecenderungan dan peringkat pencapaian akal murid. Hal yang demikian ditegaskan lagi oleh Al-Ghazali (1988) bahawa penyampaian pelajaran adalah perlu mengambil kira kadar

14 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

kefahaman serta peringkat kematangan murid berdasarkan peringkat umur dan kecerdasan otak masing-masing. Ab Halim, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin (2010) turut menjelaskan bahawa pengajaran guru perlulah beransur-ansur mengikut tahap kemampuan murid. Sekiranya, pengajaran itu disampaikan tanpa mengambil kira tahap kemampuan murid itu, maka boleh membawa kepada kerumitan proses pembelajaran, kebosanan dan seterusnya membawa kepada kegagalan guru untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Berdasarkanuraian di atas, dapat dirumuskan bahawa peranan guru Pendidikan Islam sangat penting sesuai dengan tujuan Pendidikan Islam untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhhlak mulia berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah. Guru Pendidikan Islam bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi juga membina peribadi murid dengan nilai akhlak yang terkandung di dalam syiar Islam.

Cabaran Guru Pendidikan Islam Menerapkan Nilai Akhlak

Kemajadian seorang murid merupakan fokus utama dalam pendidikan. Oleh itu, guru bertanggungjawab untuk menggalas amanah yang diberikan oleh ibubapa untuk mendidik dan membentuk sahsiah diri murid agar mempunyai nilai-nilai akhlak Islam. Namun demikian, guru juga berdepan dengan cabaran yang perlu dihadapi untuk melahirkan murid yang mempunyai akhlak yang terpuji.

Antara cabaran utama adalah masalah yang terdapat dalam diri murid dan latar belakang keluarganya. Tuntutan kerjaya dan keperluan hidup menjadi faktor yang menyebabkan ibubapa kurang memberi perhatian sepenuhnya kepada anak-anak sehingga terpaksa menyerahkan tanggungjawab kepada guru untuk mendidik anak-anak mereka. Walhal guru hanya mempunyai masa yang terhad di sekolah untuk memantau tingkah laku setiap murid. Kajian HanXio@Indah (2011) mendapati murid yang tidak mendapat pengawasan ibubapa yang cukup menyebabkan mereka lebih suka melepak dan tidak terus pulang ke rumah setelah tamat waktu persekolahan. Ini menjadikan murid akan lebih terdedah dengan faktor persekitaran luar yang memungkinkan mereka terjebak dengan masalah akhlak yang tidak baik.

15 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

Selain itu, faktor luar seperti kecanggihan media elektronik menjadi cabaran bagi guru untuk menerapkan nilai akhlak dengan berkesan. Tidak dinafikan perkembangan dunia teknologi yang semakin canggih memberikan kesan yang positif kepada masyarakat namun perlu dipantau agar murid tidak menyalahgunakan medium tersebut dengan perkara yang tidak sepatutnya. Ini terbukti dalam kajian Ab Halim & Zarin (2006) mendapati media sosial berbentuk hiburan menjadi tarikan di kalangan murid sekolah. Ini kerana pengaruh keseronokan hiburan menjadi pilihan utama murid berbanding slot ilmu pengetahuan dan agama. Oleh itu, pengaruh media sosial dilihat mempunyai hubungan negatif dengan pegangan akhlak murid jika tiada yang mengawasinya.

Kemunculan Revolusi Industri 4.0 bermula tahun 2016 yang melibatkan penggunaan teknologi tanpa banyak menggunakan tenaga manusia pastinya memberi implikasi terhadap semua sektor tidak terkecuali dalam sektor pendidikan negara. Dengan berlakunya revolusi yang amat mementingkan penggunaan teknologi dalam segala bidang, ia secara tidak langsung mengurangkan komunikasi antara guru dengan murid kerana sistem pengajaran dan pembelajaran yang amat bergantung kepada sistem atas talian ataupun internet yang sekaligus akan mengurangkan kepentingan guru di dalam aspek pengajaran. Satu pertiga dari penduduk dunia menggunakan media sosial untuk belajar, berkongsi maklumat dan berhubung dan ini akan mengubah sistem pendidikan yang holistik (Ruslin Amir, Hamidun Bunawan & Mohd Firdaus Yahaya, 2018).

Walaupun ia dilihat mencakupi bidang ilmu secara global, namun hakikatnya revolusi ini akan memberikan cabaran yang amat besar kepada guru untuk menerapkan nilai akhlak terhadap murid dalam pengajaran. Ia sekaligus akan menimbulkan kebimbangan kepada kepada semua pihak khususnya guru untuk melahirkan murid yang mempunyai akhlak yang terpuji dan modal insan yang seimbang dalam mendepani arus globalisasi akan datang. Ibnu Khaldun (1995) menyatakan, turun naiknya sesebuah negara dan tamadun, banyak bergantung kepada sejauh mana umat itu berpegang kepada nilai-nilai akhlak dan moral yang tinggi.

Antara cabaran utama yang perlu dihadapi guru adalah apabila sistem pembelajaran lebih tertumpu kepada penggunaan teknologi, murid juga

16 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

lebih celik IT, namun hakikatnya peranan guru sebagai medium penyampai ilmu pengetahuan tidak lagi menjadi sumber penting dalam pengajaran. Ini akan menyukarkan guru untuk melaksanakan pendekatan yang sesuai dalam menerapkan nilai akhlak. Hal ini kerana revolusi ini dilihat akan membelakangkan sistem pengajaran tradisional yang seharusnya menumpukan kepada kaedah penerapan nilai akhlak secara langsung dan tidak langsung. Oleh itu, tidak mustahil masalah akhlak semakin menjadi-jadi ekoran berkembangnya arus kemodenan teknologi. Tambahan lagi, sistem pendidikan tidak lagi terikat dengan peperiksaan semata-mata akan tetapi guru pula dibebani dengan pembentukan kognitif murid yang mencabar.

Sehubungan dengan itu, dalam Bajet 2018 juga telah mengusulkan berkenaan dengan persediaan dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 dimana kerajaan meletakkan pendidikan sebagai tunjang kepada usaha untuk memastikan generasi akan datang berupaya untuk membina kemajuan negara berasaskan pengukuhan nilai dan kerohanian. Oleh itu, pendidik perlu bersiap sedia dengan mengukuhkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan bagi memastikan kualiti pendidikan nilai dapat disampaikan dengan berkesan. Selain itu, guru juga harus memastikan proses pembelajaran yang efektif dapat dijalankan walaupun pembelajaran atas talian telah dilaksanakan. Jika tidak akan mengakibatkan keciciran dan perkembangan kerohanian murid tidak seimbang.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas boleh disimpulkan bahawa penerapan nilai akhlak merupakan asas dalam membentuk sahsiah diri yang luhur. Penggunaan kaedah yang pelbagai dan sesuai untuk menerapkan nilai akhlak semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah sangat di utamakan. Oleh itu, guru Pendidikan Islam bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu pengetahuan bahkan membentuk murid menjadi insan yang berakhlak dan berkeperibadian unggul. Dalam pada itu, guru Pendidikan Islam perlu menunjukkan sahsiah yang baik dan menjadi contoh kepada murid kerana setiap aspek percakapan dan perbuatan guru akan menjadi ikutan kepada murid. Meskipun terdapat beberapa kaedah penerapan nilai akhlak yang dibincangkan, namun tidak hanya terbatas pada kaedah tersebut. Guru perlu menguasai dengan lebih luas kaedah dan teknik yang berkesan agar memberi impak yang besar dalam

17 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

pembentukan akhlak murid serta mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Aljuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mua'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1) :43-56
- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak dan Shahrin Awaluddin. (2010). "Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan Inovasi" Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (ed) dalam *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2006). Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja di Sabak Bernam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam UKM. Bangi: Fakulti Pendidikan. 5: 1-8
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 23-35
- Abdul Halim El-Muhammady. (1993). Pendidikan Islam Era 2020: Satu Penghayatan Menyeluruh. Khailani Abdul Jalil dan Ishak Ali Shah (ed) dalam *Pendidikan Islam Era 2020 Tasawur dan Strategi*. Bangi: Tekno Edar
- Ahmad Mohd Salleh. (2002). *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & jQaf: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan* Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (1988). *Ihya' Ulum al-Din*. Jilid 2. Pustaka Nasional PTE LTD, Singapura. Cetakan Pertama
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Lukman Abdul Mutalib. (2012). Pemantapan Akhlak Menerusi Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Kalangan Murid Sekolah Integriti. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-9 Peringkat Serantau. "Memartabatkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Serantau". Brunei. 24 - 28 Sep 2012. 127-134.
- Asmawati Suhid. (2006). Adab dan Akhlak Islam dalam Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di Selangor. *Jurnal Centre for Islamic Thought and Understanding*. UiTM. Jilid 2, No.1, Januari 2006, hal. 53-66.
- Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran Adab & Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Bil 8. 167-178
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2010). Penerapan Elemen Falsafah Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah

18 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

- Lembah Klang. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Selangor
- Habibah@Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan Riadhah Ruhiyah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Hanxiao@Indah. (2011). Kesan Pembandaran Ke Atas Gejala Sosial Remaja Melayu. *Jurnal of Human Capital Development*. Beijing: Jabatan Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University. 4(2): 129-137
- Haron Din & Sobri Salomon. (1988). *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah
- Hasan Langgulung. (1991). *Pendidikan Islam menghadapi abad ke 21*. Shah Alam: Hizbi
- Hayati Ismail. 3/11/2017 daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/mengukuhkan-nilai-kemanusiaan-melalui-pendidikan-1.546746>
- Ibnu Khaldun. (1995). *Muqaddimah*. DBP. Kuala Lumpur
- Ibnu Miskawayh. (1961). *Tahdib Al-Akhlaq*. Beirut: American University of Beirut
- Jalaluddin Tajuddin & Ab. Halim Tamuri. (2010). Kaedah Berkesan Pengajaran dan Pembelajaran Adab dan Akhlak Islamiah: Satu Perbincangan. 1st International Conference on Islamic Education 2010. 271-284
- Kamarul Azmi Jasmi, & Siti Fauziyani Md Salleh. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor: Penerbit UTM
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR*. Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Pendidikan Islam Tahun Enam*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *SEA Journal of General Studies*.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis, Mustafa Kamal Ahmd Kassim, Zahiah Haris@Harith & Sarimah Mokhtar. (2010). Pengajaran Pendidikan Islam Melalui Kemahiran Berfikir Kritis Membentuk Moral dan Akhlak Pelajar. 1st International Conference on Islamic Education 2010. 379-387
- Mohd Nasir Omar. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sulaiman Haji Yassin. (1992). *Akhlik dan Tasawuf*. Bangi: Yayasan Salman.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2004). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Malaya
- Mustafa Haji Daud. (1996). *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

19 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

- Naimah Ghazali, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis. (2016). *Metod Didikan Ibu Bapa dalam Pembentukan Akhlak dlm Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam Isu dan Cabaran*. Maimun Aqsha Abdin Lubis, Nor Faizah Abu Hashim & Nur Syamira Abdul Wahab (sunt.). Penerbit UKM Press. 92-162
- Noor Najihan Jaafar. (2008). Metod Rasullullah Dalam Pembentukan Modal Insan. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke 6. UKM. 141-148
- Nur Mashitah Mohd Kamal, Mohd Isa & Mohd Aderi Che Noh. (2016). Pendekatan Nasihat melalui Al-Quran dan Hadith dalam Pengajaran Pendidikan Islam. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke 11. UKM. 1215-1224
- Nurhaniza Mohd Tajudin. (2016). Aplikasi Metod Pembiasaan bagi Mendidik Kanak-Kanak Mengkalkan Amalan Beragama dan Berakhlek Mulia dalam Kehidupan Seharian. Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11. 15-16 November 2016, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi. 1103-1111
- Rohana Tan dan Norhasni Zainal Abidin. (2014). Akidah, Akhlak dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Belia di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*. 64-79. Vol 1. No.1
- Ruslin Amir, Hamidun Bunawan & Mohd Firdaus Yahaya. (2018). Cabaran Mahasiswa dan Kolej Kediaman Mendepani Revolusi Industri 4.0. Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan 2018. Governans, Institusi & Pengurusan Kewangan ISBN: e978-967-0829-97-5. 24-29
- Samsu Hazlam Hamid. (2010). Pendidikan Akhlak dan Nilai Murni Dalam Pembangunan Negara: Satu Analisis Tentang Proses Penerapan Menerusi Program j-Qaf. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Syahrul Faizaz Abdullah. (2003). Konsep Akhlak Mahmudah. Mardzelah Makhsin (ed). dalam *Pendidikan Islam*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Nordin dn Nor'Aini Dan. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi: As-Syabab Media
- Zaharah Hussin. (2008). Pembinaan Modul Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak Institusi Perguruan' (KPAIP) Bagi Pembelajaran Guru Pelatih Pendidikan Islam Di Institusi Perguruan. Bangi. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zainuddin. (1991). *Seluk Beluk Pendidikan dari Al-Ghazali*. Bumi Aksara
- Zakaria Stapa. (2001). *Akidah & Akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

20 | Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali

*Ainul Widad Muhd Fauzi
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: aiwi.fauzi87@gmail.com*

*Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: asmwati@upm.edu.my*

*Dr. Fathiyah Mohd Fakhruddin
Fakulti Pengajian Pendidikan
Univesiti Putra Malaysia
43400 Serdang
E-mail: fathi@upm.edu.my*